

"Saya tidak terjejas dengan komen-komen itu"

SEREMBAN 28 Okt. - Naib Ketua Pergerakan Pemuda UMNO, Khairy Jamaluddin berkata, beliau tidak terjejas dengan komen-komen yang dibuat Tun Dr. Mahathir Mohamad dalam pertemuannya dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi baru-baru ini.

Katanya, komen-komen tersebut tidak mempunyai asas.

"Saya tidak terjejas dengan komen-komen itu. Saya tidak faham kenapa ia dibuat tetapi saya tidak terjejas," katanya.

Khairy berkata demikian ketika ditemui selepas menghadiri majlis rumah terbuka Menteri Besar Negeri Sembilan, Datuk Seri Mohamad Hasandi Kampung Tanjung, Rantau dekat sini bersama isterinya, Nori Abdullah.

Ditanya sama ada isu komen Dr. Mahathir itu akan dibangkitkan dalam Perhimpunan Agung UMNO yang akan diadakan dua minggu lagi, Khairy berkata, beliau tidak tahu tetapi percaya Pemuda UMNO akan

menjadikan pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) sebagai tumpuan semasa perhimpunan itu.

"Dibangkitkan dalam konteks apa, itu saya tidak tahu tetapi saya percaya Datuk Seri Hishammuddin sebagai Ketua Pergerakan Pemuda UMNO akan memberikan lebih tumpuan kepada RMK-9.

"Itulah perkara penting yang menjadi tumpuan Pemuda pada hari ini, bukan bendalain," katanya.

Walaupun Hishammuddin membuat kenyataan bahawa kepimpinan Pemuda akan turun ke peringkat akar umbi memberi penjelasan mengenai isu komen Dr. Mahathir itu, Khairy yakin ahli-ahli Pemuda UMNO sudah memahaminya.

"Saya rasa secara keseluruhan akar umbi Pemuda telah faham isu ini dan mereka sudah tahu segala masalah yang ada pada hari ini. Mereka ingin memberi tumpuan kepada perjuangan yang sebenar," katanya.